

 <p>Suruhanjaya Tenaga Energy Commission</p>	PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 2/2014 PEPERIKSAAN DAN PENGETAHUAN PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA (TERHAD) BAGI MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI SEMASA	NO. RUJUKAN: ST/IP/PK/JKKE/ Pk. 2/2014
--	---	---

TUJUAN

1. Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai prosedur pengeluaran perakuan kekompetenan Penjaga Jentera (Terhad) bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja elektrik bagi memenuhi keperluan industri semasa.

LATARBELAKANG

2. Untuk memastikan pepasangan dikerjakan atau dikendalikan oleh atau di bawah kawalan orang kompeten selaras dengan kehendak Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, Suruhanjaya Tenaga telah memutuskan untuk mempertimbangkan permohonan pihak industri bagi mendapatkan Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera (Terhad) bagi memenuhi keperluan dalam industri semasa seperti berikut:

- i. Untuk menampung keperluan orang kompeten di industri yang masih tidak dapat dipenuhi oleh pengeluaran orang kompeten semasa.
- ii. Memberi perakuan kepada pekerja-pekerja elektrik yang hanya mahir dalam kerja-kerja elektrik di pepasangan tertentu sahaja.

 Suruhanjaya Tenaga <i>Energy Commission</i>	PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 2/2014 PEPERIKSAAN DAN PENGETAHUAN PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA (TERHAD) BAGI MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI SEMASA	NO. RUJUKAN: ST/IP/PK/JKKE/ Pk. 2/2014
--	---	---

- iii. Mengambil kira sesetengah pepasangan yang hanya sebahagian kecil sahaja dikendalikan pada voltan tinggi manakala sebahagian besarnya dikendalikan pada voltan rendah.
- iv. Mengambil kira pepasangan yang berada jauh dari kawasan bandar dan sukar mendapatkan orang kompeten yang sedia berdaftar di pepasangan tersebut.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

3. Kelayakan calon-calon untuk memohon Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera (Terhad) ini akan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
- i. Mempunyai pengalaman kerja tidak kurang dari tiga (3) tahun dalam persekitaran di mana terdapat pengendalian kelengkapan elektrik dan mempunyai pengalaman mengawal kelengkapan hidup.
 - ii. Mempunyai pengalaman kerja berkaitan tidak kurang dari enam (6) bulan di tempat kerja sekarang iaitu tempat di mana perakuan kekompetenan (terhad) akan digunakan.

	PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 2/2014 PEPERIKSAAN DAN PENGETAHUAN PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA (TERHAD) BAGI MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI SEMASA	NO. RUJUKAN: ST/IP/PK/JKKE/ Pk. 2/2014
---	---	---

- iii. Memahami penggunaan pelbagai jenis kelengkapan yang akan berada di bawah penjagaannya dan mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk mengerja dan mengendalikan pepasangan dengan selamat.
 - iv. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pertolongan cemas, pemulihan pernafasan dan rawatan renjatan elektrik.
 - v. Mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Akta 447 dan apa-apa peraturan yang dibuat dibawahnya.
4. Calon-calon yang memohon perakuan kekompetenan Penjaga Jentera (Terhad) voltan tinggi hendaklah terlebih dahulu memiliki perakuan kekompetenan Penjaga Jentera kategori voltan rendah dan telah berdaftar dengan ST sekurang-kurangnya (6) bulan di pepasangan yang hendak dikendalikannya.

PROSEDUR PERMOHONAN

5. Calon-calon yang memenuhi syarat-syarat kelayakan memohon Perakuan Kekompetenan Penjaga Jentera (Terhad) ini perlu memenuhi prosedur permohonan seperti berikut:

 Suruhanjaya Tenaga <i>Energy Commission</i>	<p style="text-align: center;">PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 2/2014</p> <p style="text-align: center;">PEPERIKSAAN DAN PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA (TERHAD) BAGI MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI SEMASA</p>	<p style="text-align: center;">NO. RUJUKAN:</p> <p style="text-align: center;">ST/IP/PK/JKKE/ Pk. 2/2014</p>
--	--	--

- i. Calon-calon hendaklah terlebih dahulu mengikuti kursus bagi modul-modul yang berkaitan dengan kerjanya di institusi-institusi yang bertauliahan dengan ST.
- ii. Calon-calon hendaklah mengemukakan permohonan untuk menduduki peperiksaan kekompetenan ke Pejabat Kawasan Suruhanjaya Tenaga dengan menggunakan borang **ST(PE)1 Pin. 4/2007** (Salinan sijil lulus kursus modul-modul yang berkaitan hendaklah disertakan bersama dengan dokumen-dokumen sokongan lain).
- iii. Calon-calon hendaklah juga mengemukakan senarai tugas yang ditetapkan oleh majikan bersama borang permohonan.
- iv. Calon-calon yang layak boleh dikenakan ujian lisan oleh Pejabat Kawasan ST. Ujian lisan boleh juga dijalankan di tempat kerja calon berdasarkan pepasangan sebenar.
- v. Calon-calon hendaklah menjelaskan fi pemerosesan permohonan dan fi menduduki peperiksaan sepertimana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

 Suruhanjaya Tenaga <i>Energy Commission</i>	<p style="text-align: center;">PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 2/2014</p> <p style="text-align: center;">PEPERIKSAAN DAN PENGELUARAN PERAKUAN KEKOMPETENAN PENJAGA JENTERA (TERHAD) BAGI MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI SEMASA</p>	<p style="text-align: center;">NO. RUJUKAN:</p> <p style="text-align: center;">ST/IP/PK/JKKE/ Pk. 2/2014</p>
--	--	--

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini mula berkuatkuasa dari ianya ditandatangani. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2007 bertarikh 12 Jun 2007, Pekeliling Bilangan 3 Tahun 2007 bertarikh 12 Jun 2007, Pekeliling JBE&G 1/1998 dan Pekeliling JBE&G 3/1997 adalah dibatalkan.



(DATUK Ir. AHMAD FAUZI BIN HASAN)
 Ketua Pegawai Eksekutif
 Suruhanjaya Tenaga

Tarikh: 29 Mei 2014

s.k Semua Pengarah Jabatan
 Suruhanjaya Tenaga

Semua Pengarah Kawasan
 Suruhanjaya Tenaga